

ANTOLOGI PERTAMA

# Suka-Duka

## PERJALANAN PhD KAMI

*Empat laluan,  
Empat sekawan;  
Satu Tujuan,  
Memburu Kejayaan*

DR. AMRAN RASLI, DR. ZULKIFLI KHAIR,  
DR. ZURAINA ALI & DR. SITI BALKIS BARI

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan  
dalam Penerbitan

Amran Rasli, Zulkifli Khair, Zuraina Ali dan Siti Balkis Bari

ANTOLOGI PERTAMA SUKA DUKA PERJALANAN  
PHD KAMI

ISBN 978-967-19795-2-5

1. Educational Fiction.
2. Government Publications—Malaysia.
3. Postgraduate Journey.

1. Judul

899.2333

# Kisah Dr. Zuraina Ali

Zuraina Ali merupakan seorang Profesor Madya di Jabatan Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang. Beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia Cawangan Pahang, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia yang kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Pahang selama lebih dari 20 tahun.



Penglibatan beliau dalam hasil kreatif mula berputik setelah beliau memulakan pengajian PhD. Latihan penulisan untuk menghasilkan tesis telah membantu beliau memahirkan diri di dalam bidang penulisan. Sehingga kini, beliau telah menerbitkan beberapa manuskrip serta bab dalam buku sebagai penulis utama dan penulis bersama di dalam karya berikut: *Melangkah Gagah: Urus Kerjaya Anda, Apa Khabar Ayahbonda, Kembara PhD, dan Listrik Hati: Mendidik Rohani, Minda dan Luhur*. Beliau yang mempunyai ijazah dalam Pengajaran Inggeris sebagai Bahasa Kedua, telah juga menerbitkan *Let's Vocab @ STEM, Philosophy of Science & Ethics in Research*, Modul Latihan Panduan Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik Kecerdasan Spiritual dan *Favourite 5 Extensive Reading Activities to Enhance Soft Skills Elements + Students' Testimonials*. Beliau juga aktif didalam menyampaikan webinar di dalam dan di luar negara. Beliau juga telah memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah Pekerja Cemerlang (2017 dan 2020), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) (2013) dan *Academic Excellent Award* dari Universiti Malaya (2006). Di dalam bidang penyelidikan, beliau turut memenangi beberapa anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa.